



TEKS UCAPAN

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**MAJLIS APRESIASI SUKAN WILAYAH
PERSEKUTUAN 2019**

11 DISEMBER 2019 (RABU)

8.30 MALAM

**DEWAN SERBAGUNA,
PUSAT SUKAN UNIVERSITI MALAYA**

Salutasi (Akan diselaraskan pada hari kejadian)

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t, kerana dengan izin dan limpah kurniaNya juga, kita dapat bersama-sama berkumpul pada malam penuh bermakna ini untuk menjayakan Majlis Apresiasi Sukan Wilayah Persekutuan 2019.
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak penganjur Majlis Apresiasi Sukan Wilayah Persekutuan kerana menjemput serta memberi peluang kepada saya

untuk bersama-sama dengan para penggiat sukan dalam Majlis ini.

Hadirlin yang dikasihi sekalian,

3. Untuk makluman, pelaksanaan Majlis Apresiasi pada malam ini adalah salah satu usaha untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan serta terima kasih yang tidak terhingga atas penglibatan serta kerjasama tuan-tuan dan puan-puan dalam menjayakan penganjuran Karnival Sukan Wilayah Persekutuan (SWIP) bagi Fasa 1 dan Fasa 2.

4. Saya amat menghargai usaha semua pihak terutama para atlet dan persatuan-persatuan sukan kerana sentiasa memberi komitmen serta sokongan dalam menjayakan program-program yang telah dirancang Majlis Sukan

Wilayah Persekutuan bagi merancakkan lagi ekosistem pembangunan sukan di Wilayah Persekutuan.

5. Saya dimaklumkan penganjuran Karnival SWIP ini diadakan secara dua fasa di mana fasa pertama telah pun dilaksanakan pada Julai lalu yang memberi tumpuan kepada enam sukan tempur seperti Silat, Wushu Sanda, Karate, Taekwando, Tinju, dan Muay Thai. Manakala fasa kedua yang berlangsung bermula pada hari ini melibatkan sukan seperti Bola Tampar, Badminton, E-sport, Petanque, Tenis, Sepak Takraw dan Bola Keranjang.

Hadirlin sekalian,

6. Seperti semua sedia maklum, pelaksanaan Karnival SWIP ini adalah untuk menghidupkan kembali

penganjurannya setelah 10 tahun tidak dilaksanakan di bawah pentadbiran yang lalu. Ini kerana, melalui tema “*Wilayah Peduli, Harapan dipenuhi*”, kita tidak memandang remeh dalam soal pembangunan sukan untuk warga Wilayah Persekutuan.

7. Jika dilihat sepanjang tahun 2019, pelbagai program dan aktiviti sukan telah dilaksanakan seperti;

- i) Karnival Sukan Sempena Hari Wilayah Persekutuan
- ii) Karnival Sukan Parlimen (SUKPAR)
- iii) Karnival Bakat Sukan Wilayah Persekutuan; dan
- iv) Karnival Sukan Wilayah Persekutuan (SWIP)

8. Pelaksanaan program-program sukan ini adalah sebagai usaha untuk

memastikan pembangunan sukan di Wilayah Persekutuan terus berkembang pesat sekali gus dapat menerapkan budaya aktiviti bersukan dan riadah dalam kalangan masyarakat setempat.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

9. Majlis Apresiasi yang dianjurkan ini juga merupakan inisiatif bagi meraikan rakan strategik yang selama ini sentiasa menyokong dan banyak membantu menjayakan program-program anjuran Majlis Sukan Wilayah Persekutuan.

10. Antaranya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL); Perbadanan Putrajaya (PPj); Perbadanan Labuan (PL); Jabatan Belia dan Sukan Kuala Lumpur dan Labuan; Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia

(APM), agensi-agensi kerajaan lain serta Badan Bukan Kerajaan (NGO).

11. Selain itu, Majlis Apresiasi ini juga akan meraikan dan menghargai jasa yang telah disumbangkan oleh rakan-rakan media di dalam memberikan liputan, publisiti dan hebahan ke atas setiap program serta aktiviti yang dilaksanakan oleh Majlis Sukan Wilayah Persekutuan.

12. Kerjasama strategik seperti ini amat penting dan perlu terus dipertingkatkan agar Wilayah Persekutuan dapat membangunkan pelbagai bidang sukan serta melahirkan lebih ramai atlet berbakat besar yang membawa nama Wilayah Persekutuan khususnya ke peringkat antarabangsa.

13. Akhir kata, saya mewakili pihak Majlis Sukan Wilayah Persekutuan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi kerjasama bagi menjayakan pelaksanaan program sukan di Wilayah Persekutuan.

14. Saya juga berharap agar semua pihak akan terus bekerjasama dan sentiasa memberi sokongan serta komitmen kepada pembangunan sukan kerana sukan dapat menyatupadukan rakyat pelbagai kaum.

15. Dengan ini, saya akhiri ucapan dengan Wabillahi Taufik Wal hidayah.
Wassalamualaikum Warrahmatullahi
Wabarakatuh.

16. WiPERS, WiJUARA!

Sekian, terima kasih.